

KONSEPSI PELAJAR TERHADAP POLA KEHADIRAN KULIAH DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Siti Hawa Hashim & Munira Mohsin

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau konsepsi pelajar terhadap kehadiran ke kuliah di Institut Pendidikan Guru. Responden terdiri dalam kalangan pelajar dari Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (PISMP) Ambilan 2012 (N=60) yang dipilih berdasarkan kaedah persampelan secara rawak. Data dikumpul menerusi soal selidik yang terdiri dari empat konstruk yang merangkumi faktor diri ($\alpha=.82$), faktor pensyarah ($\alpha=.84$), faktor rakan ($\alpha=.86$) dan faktor prasarana ($\alpha=.84$). Data dianalisis secara deskriptif bagi meninjau konsepsi pelajar akan konstruk-konstruk yang terdapat dalam persoalan kajian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kehadiran pelajar ke kuliah adalah dipengaruhi oleh faktor pensyarah ($M=3.97$) dan faktor yang ada pada diri mereka sendiri ($M=3.68$). Hasil kajian memberi implikasi bahawa kesedaran diri yang terdapat dalam setiap individu pelajar serta karismatik para pensyarah memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan minat dan kehadiran pelajar ke kuliah.

Kata kunci: *pola kehadiran kuliah*

Pengenalan

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk melahirkan guru yang berkualiti dan memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara. Hal ini kerana pendidikan ialah penyumbang utama modal sosial dan ekonomi negara. Justeru, menerusi transformasi sistem pendidikan negara yang dizahirkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012) langkah-langkah serta kerangka pembangunan yang bersifat menyeluruh telahpun diatur ke arah memenuhi matlamat dan aspirasi yang dihasratkan. Guru dan pemimpin sekolah merupakan pemacu yang amat penting ke arah pencapaian dan kejayaan pelajar. Pembangunan modal insan berkualiti amat bergantung kepada pendidikan berkualiti yang dapat menghasilkan individu yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju.

Kehadiran Kuliah Pelajar di Institut Pendidikan Guru

Usaha transformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan merangkumi usaha meningkatkan standard kemasukan, meningkatkan peluang pembangunan profesional berterusan mengikut keperluan individu, membolehkan guru maju dalam kerjaya berdasarkan prestasi dan kompetensi serta mewujudkan budaya kecemerlangan profesionalisme berasaskan teladan rakan setugas (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Institut Pendidikan Guru merupakan institusi yang berperanan dalam memberi latihan praperkhidmatan pendidikan serta pembangunan profesionalisme berterusan. Untuk tujuan tersebut, Institut Pendidikan Guru sentiasa mengambil berat akan potensi dan kemenjadian bakal-bakal guru agar dapat memberi impak yang positif dalam transisi ke generasi yang akan datang.

Tugas dan tanggungjawab guru-guru pelatih dalam menghadiri kuliah merupakan pemangkin penting ke arah pemupukan iltizam dan kualiti diri. Di Institut Pendidikan Guru, kehadiran kuliah merupakan elemen yang wajib untuk para pelajar patuhi kerana implikasi ketidakhadiran pelajar ke kuliah amat besar. Sekiranya didapati cukup bukti seseorang pelajar itu tidak hadir kuliah tanpa sebab untuk mana-mana Kursus/ Matapelajaran, Jawatankuasa Peperiksaan dan Penilaian Institut Pendidikan Guru (JKPPIPGK) akan mencadangkan kepada Senat supaya pelajar tersebut tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan asal atau didalam kes ketidakhadiran yang lebih serius, untuk digantung pengajian. Ekoran itu, pelajar tersebut akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta 174 (Akta Institusi-Institusi Pelajaran, 1976). Akta ini diguna pakai oleh Institut Pendidikan Perguruan seluruh negara, yang mana jika sabit kesalahan boleh dijatuhkan mana-mana dua atau lebih hukuman tatatertib Bahagian V, Kaedah 48 Akta 174.

Namun demikian, langkah-langkah pencegahan sentiasa diambil dari semasa kesemasa sebelum pelajar-pelajar terjerumus dan diambil tindakan-tindakan seperti yang dinyatakan di atas. Tindakan-tindakan pentadbiran seperti mengeluarkan amaran dan meminta mereka membayar semula wang elaun mengikut jumlah hari mereka tidak hadir tanpa sebab, boleh mengekang sikap pelajar yang tidak menitik beratkan kehadiran ke kuliah.

Penyataan Masalah

Kehadiran pelajar di institusi pengajian tinggi ke kuliah adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor yang tertentu. Beyers dan Gossens (2003) menggariskan faktor-faktor seperti hubungan kekeluargaan, kompetensi pensyarah, faktor diri sendiri, faktor rakan sebaya serta kemudahan yang terdapat di institusi antara elemen yang mempengaruhi pola kehadiran mereka ke kuliah. Namun, masalah kehadiran pelajar ke kuliah juga antara gejala penyelewengan amanah yang amat berleluasa di kebanyakan institusi pengajian masa kini. Walaupun sebahagian besar dari institusi pengajian tinggi berkenaan mewajibkan kehadiran kuliah, bahkan menjadikan ia sebagai antara peratus keputusan peperiksaan, namun kehadiran penuntut ilmu masih lagi ditahap tidak memuaskan, bahkan kadang kala sampai ke tahap yang amat mengecewakan. Terdapat banyak faktor penyumbang kepada masalah disiplin pelajar. Antaranya ialah faktor diri, guru atau pensyarah, rakan, ibu bapa, sekolah dan faktor prasarana (Muhammed Sharif & Suria, 2012). Kajian-kajian yang dijalankan mendapati faktor-faktor ponteng memberi kesan risiko yang besar dan saling berkait antara satu-sama lain (Brush & Jones, 2002). Menurut beliau lagi ponteng berpunca daripada latar belakang dan hubungan keluarga, pencapaian sekolah lalu, ciri-ciri personaliti, dan juga termasuk ciri-ciri sekolah dan kejiwaan. Di samping itu, banyak kajian yang dijalankan mendapati bahawa ramai pelajar meninggalkan kampus samada ponteng atau berhenti disebabkan oleh masalah penyesuaian diri dengan tuntutan sebagai seorang mahasiswa (Epstein & Sheldon, 2002). Penyesuaian utama yang dialami oleh pelajar di institusi pengajian tinggi ialah masalah kewangan, diikuti dengan masalah akademik, kesihatan, sosial, dan peribadi (Lee & Burkam, 2003).

Teori pembelajaran sosial oleh Albert Bandura (1977) melihat masalah ketidakhadiran kuliah sebagai tingkah laku yang dipelajari dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semula jadi dalam diri individu. Menurut Bandura (1977), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tingkah laku pelajar remaja, iaitu kelakuan pelajar itu sendiri, pengaruh persekitaran dan interaksi kognitif. Pendekatan teori pembelajaran sosial juga menekankan kepentingan penilaian kognitif dan emosi. Teori ini memperlihatkan pengaruh-pengaruh sadar dan penentu-penentu sosial ke atas personaliti. Menurut Bandura lagi, latihan pemerhatian atau modeling adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku agresif. Jika dikaitkan dengan teori pembelajaran sosial, apa yang dilakukan oleh anak-anak merupakan hasil dari pemerhatian dan peniruan daripada ibu bapanya. Selain itu, teori pembelajaran sosial juga menekankan aspek interaksi antara manusia dan persekitaran

(Bandura, 1977). Beliau menyarankan konsep “determinisme timbal balik” yang mengatakan bahawa manusia mempengaruhi untung nasib dirinya melalui pengawalan kuasa-kuasa di sekitarnya tetapi mereka juga dipengaruhi oleh kuasa-kuasa sekitaran ini. Keadaan ini merupakan satu proses interaktif, saling berkaitan dan timbal balik antara tingkah laku manusia, sekitaran dan proses dalaman seperti kognisi dan persepsi. Hal ini bermakna manusia dapat mengawal kehendak dan tingkah laku, sementara sekitaran pula dapat mengawal serta mempengaruhi apa yang dilakukan oleh individu. Teori pembelajaran sosial yang diaplikasikan oleh Bandura juga merumuskan bahawa perkara utama yang sering dipelajari oleh kanak-kanak dan remaja ialah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. Oleh itu, individu akan mempelajari dan melakukan tingkah laku devian sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui peniruan tingkah laku ibu bapa mereka. Ingatan ini kemudiannya disimpan di dalam kognitif secara kekal dan remaja akan sukar untuk mengelakkan diri dari bertingkah laku devian dalam kehidupan mereka.

Dalam konteks kajian, para pelajar yang mengikuri program sepenuh masa di institusi pendidikan guru wajib menghadiri kuliah. Peratusan ketidakhadiran yang mencecah 20% dari jumlah jam interaksi sesuatu mata pelajaran akan hanya mengundang masalah bagi para pelajar kerana mereka disyaratkan menduduki peperiksaan untuk setiap mata pelajaran dengan kehadiran kuliah tidak kurang dari 80% dari jumlah jam interaksi tersebut.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau konsepsi pelajar terhadap kehadiran ke kuliah di Institut Pendidikan Guru. Kajian ini cuba untuk menjawab persoalan tentang elemen yang menjadi faktor utama kehadiran pelajar ke kuliah khususnya dalam melibatkan waktu pengajaran dan pembelajaran. Faktor-faktor yang ingin dikaji adalah meliputi faktor-faktor diri, faktor pensyarah, faktor rakan, dan faktor prasarana.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan bergantung kepada tujuan sesuatu kajian (Maxwell, 2005). Bersesuaian dengan tujuan kajian untuk meninjau konsepsi pelajar terhadap kehadiran mereka ke kuliah, maka kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dengan menggunakan soal selidik.

Responden

Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 60 orang yang terdiri dalam kalangan pelajar-pelajar yang dipilih secara rawak dalam kalangan pelajar dari Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dari Institut Pendidikan Guru, Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur (Jadual 1).

Kajian ini juga melibatkan 33.3% responden lelaki dan selebihnya iaitu 66.6% responden perempuan. Data menunjukkan bahawa 26.7 % responden adalah terdiri dalam kalangan pelajar dari kumpulan Pendidikan Khas, 31.7% adalah dalam kalangan pelajar Pendidikan Muzik, 30.0 pula adalah dalam kalangan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dan 11.7% responden dari kumpulan Pengkhususan Bahasa Inggeris.

Jadual 1

Taburan Responden Kajian

	Deskripsi	Bilangan	%
Jantina	Lelaki	20	33.3
	Perempuan	40	66.6
Kumpulan	Pendidikan Khas	16	26.7
	Pendidikan Muzik	19	31.7
	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	18	30.0
	Pengkhususan Bahasa Inggeris	7	11.7

Instrumen

Bagi tujuan pengumpulan data, kajian ini menggunakan instrumen berbentuk soal selidik. Soal selidik yang digunakan terdiri daripada empat konstruk iaitu faktor diri ($\alpha=.82$), faktor pensyarah ($\alpha=.84$), faktor rakan ($\alpha=.86$), dan faktor frasarana ($\alpha=.84$) dengan 45 item soalan ($\alpha=0.84$) yang menggunakan skala Likert 5 poin. Soal selidik tersebut memerlukan responden menyatakan tahap persetujuan mengikut skala berikut: 1 untuk Sangat Tidak Setuju, 2 untuk Tidak Setuju, 3 untuk Kurang Setuju, 4 untuk Setuju dan 5 untuk Sangat Setuju. Soal selidik yang bertujuan untuk meninjau konsepsi pelajar terhadap kehadiran ke kuliah di Institut Pendidikan Guru dibahagikan kepada lima bahagian, profil responden disusuli dengan empat konstruk yang dinyatakan di atas.

Analisis Data

Bersesuaian dengan tujuan kajian adalah untuk meninjau konsepsi pelajar terhadap faktor-fakto yang menggalakkan kehadiran mereka ke kuliah, data kuantitatif dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan min dan sisihan piawai bagi setiap konstruk bagi menjawab persoalan kajian.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang bersifat kuantitatif dianalisis secara deskriptif dengan berdasarkan min dan sisihan piawai. Hal ini melibatkan konstruk-konstruk seperti faktor diri, faktor pensyarah, faktor rakan, dan faktor frasarana.

Jadual 2

Taburan Min Responden bagi Setiap Konstruk Fenomena Kehadiran Kuliah Pelajar di IPG

Konstruk	1 Faktor Diri	2 Faktor Pensyarah	3 Faktor Rakan	4 Faktor Prasarana
Min (<i>M</i>)	3.68	3.97	2.91	3.32
Sisihan Piawai (<i>SD</i>)	0.89	0.80	1.21	0.96

(*N*=60).

Jadual 2 menunjukkan taburan min responden ($N=60$) terhadap faktor-faktor seperti diri, pensyarah, rakan dan prasarana mempengaruhi para pelajar ke kuliah. Dapatan menunjukkan bahawa faktor pensyarah adalah tertinggi ($M=3.97$) dalam mempengaruhi pola kehadiran responden ke kuliah. Dapatan juga menunjukkan bahawa faktor kedua tinggi adalah faktor diri ($M=3.68$), diikuti dengan faktor prasarana ($M=3.32$). Manakala faktor yang terendah dalam mempengaruhi pola kehadiran pelajar ke kuliah di IPG adalah faktor rakan ($M=2.91$).

Jadual 3

Taburan Min dan Sisihan Piawai Responden Tentang Faktor Diri Mempengaruhi Pola Kehadiran Kuliah

No. Item	Pernyataan	% Kekerapan					Min (M)	Sisihan Piawai (SD)
		1 sts	2 ts	3 ks	4 s	5 ss		
i.	Suka menghadiri kuliah-kuliah di Institut Pendidikan Guru (IPG)	-	1.8	8.3	60.0	30.0	3.98	0.94
ii.	Suka melibatkan diri dengan bersukan	1.7	3.3	25.0	35.0	35.0	3.98	0.947
iii.	Suka melibatkan diri dengan berpersatuan	1.7	6.7	21.6	50.0	20.0	3.80	0.89
iv.	Bosan belajar	20.0	33.3	26.6	20.0	-	2.46	1.032
v.	Berkebolehan menjadi pemimpin	-	13.3	-	30.0	68.3	3.51	0.87
vi.	Ingin cemerlang dalam akademik	-	1.7	-	30.0	68.3	4.65	0.57
vii.	Suka menghabiskan masa dengan bermain	5.0	10.0	43.3	30.0	11.7	3.33	0.98
viii.	Mempunyai motivasi yang tinggi untuk belajar	-	-	15.0	60.0	25.0	4.10	0.62
ix.	Ingin mengubah hidup keluarga	-	3.3	6.7	25.0	65.0	4.50	0.77
x.	Ingin kebebasan hidup tanpa menghadiri kuliah di IPG	31.7	16.7	30.0	13.3	8.3	2.50	1.20

Jadual 3 menunjukkan min dan sisihan piawai untuk item-item yang terdapat di dalam faktor diri yang mempengaruhi pola kehadiran pelajar ke kuliah. Hasil kajian memberi maklumat bahawa item “ingin cemerlang dalam akademik” mempunyai nilai min yang tertinggi ($M=4.65$) dengan sisihan piawai .57. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa item “ingin mengubah hidup keluarga” mencatatkan min yang kedua tinggi iaitu 4.50. Disamping itu, item-item negatif yang mempunyai min yang kurang dari 3.00 adalah “ingin kebebasan hidup tanpa menghadiri kuliah di IPG” ($M=2.50$) dan “bosan belajar” ($M=2.46$) menunjukkan bahawa pelajar mempunyai konsepsi yang positif terhadap perkara tersebut.

Jadual 4

Taburan Min dan Sisihan Piawai Responden Tentang Faktor Pensyarah Mempengaruhi Pola Kehadiran Kuliah

No. Item	Pernyataan	% Kekerapan					Min (M)	Sisihan Piawai (SD)
		1 sts	2 ts	3 ks	4 s	5 ss		
i.	Pensyarah mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang pengajarannya	1.7	-	6.7	38.3	53.3	4.42	0.77
ii.	Saya mendapat galakkan yang positif dari pensyarah jika bermasalah dalam mata pelajaran tersebut	-	3.3	16.7	35.0	45.0	4.22	0.85
iii.	Pensyarah memahami perasaan saya	3.3	8.3	25.0	45.0	18.3	3.67	0.986
iv.	Pensyarah sering memberi pujian kepada rakan-rakan lain tanpa menghiraukan saya	18.3	21.7	35.0	18.3	6.7	2.73	1.163
v.	Corak pengajaran pensyarah memudahkan saya memahami mata pelajaran tersebut	1.7	1.7	20.0	50.0	26.7	3.98	0.83
vi.	Pensyarah sangat membosankan ketika proses pengajaran dan pembelajaran	6.6	25.0	46.7	20.0	1.7	2.85	0.88
vii.	Pensyarah sedia memberi tunjuk ajar jika saya memerlukan	-	-	13.3	51.7	35.0	4.22	0.67
viii.	Pensyarah bersikap adil dalam menegur pelajar di bilik kuliah	-	6.7	15.0	53.3	25.0	3.97	0.82
ix.	Pensyarah mengambil berat akan kefahaman pelajar	1.7	1.7	16.7	48.3	31.7	4.07	0.84
x.	Pensyarah mengawal kelas dengan baik semasa proses pengajaran dan pembelajaran	-	3.3	8.3	53.3	35.0	4.20	0.73
xi.	Pensyarah mengambil berat akan kehadiran pelajar ke kuliah		1.6	5.0	40.0	53.3	4.45	0.67
xii.	Pensyarah mengambil tindakan sekiranya saya tidak hadir ke kuliah tanpa alasan	1.7	1.6	8.3	46.7	41.7	4.25	0.816
xiii.	Pensyarah kreatif dan inovatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran	-	-	16.7	58.3	25.0	4.08	0.65
xiv.	Pensyarah mengamalkan sistem penyampaian kuliah secara profesional	-	3.3	6.7	60.0	30.0	4.17	0.69
xv.	Pensyarah sentiasa menggalakkan pelajar ke kuliah	-	-	10.0	46.7	43.3	4.33	0.66

Jadual 4 menunjukkan min dan sisihan piawai untuk item-item yang terdapat di dalam faktor pensyarah dalam mempengaruhi pola kehadiran pelajar ke kuliah. Hasil kajian memberi maklumat bahawa item “pensyarah mengambil berat akan kehadiran pelajar ke kuliah” mempunyai min yang tertinggi ($M=4.45$) dengan sisihan piawai .67. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa item “pensyarah mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang pengajarannya” mencatatkan min yang kedua tinggi iaitu 4.42. Disamping itu, item-item yang mempunyai min yang kurang dari 3.00 adalah “pensyarah sering memberi pujian kepada rakan-rakan lain tanpa menghiraukan saya” ($M=2.73$) dan “pensyarah sangat membosankan ketika proses pengajaran dan pembelajaran” ($M=2.85$).

Jadual 5

Taburan Min dan Sisihan Piawai Responden Tentang Faktor Rakan Mempengaruhi Pola Kehadiran Kuliah

No. Item	Pernyataan	% Kekerapan					Min (M)	Sisihan Piawai (SD)
		1 sts	2 ts	3 ks	4 s	5 ss		
i.	Rakan-rakan sangat mematuhi peraturan di Institut Pendidikan Guru (IPG)	5.0	5.0	23.3	45.0	21.7	3.73	1.02
ii.	Rakan-rakan mempengaruhi untuk tidak hadir ke kuliah	38.3	26.7	21.7	11.7	-	2.42	2.89
iii.	Saya sangat mempercayai rakan-rakan di IPG	5.0	1.7	43.3	43.3	6.7	3.45	0.85
iv.	Saya mudah terpengaruh dengan pujukan rakan untuk ponteng kuliah	38.3	25	23.3	11.7	1.7	2.13	1.11
v.	Rakan-rakan mempunyai tingkahlaku yang sering menyalahi peraturan IPG	28.3	18.3	41.7	10.0	1.7	2.38	1.06
vi.	Rakan-rakan banyak memberi galakan untuk terus belajar	-	-	16.7	53.3	30.0	4.13	0.68
vii.	Rakan-rakan seringkali berjaya melepaskan diri semasa ponteng kuliah	28.3	35.0	11.7	16.7	8.3	2.42	1.29
viii.	Saya dan rakan-rakan menumpukan perhatian ketika pensyarah mengajar	5.0	-	16.7	68.3	10.0	3.78	0.83
ix.	Saya cemburu jika rakan lebih hebat dari saya walaupun mereka berkelakuan negatif	25.0	25.0	25.0	20.0	5.0	2.55	1.21
x.	Saya pernah mengikut rakan ponteng kuliah	50.0	15.0	18.3	13.3	3.3	2.05	1.24

Jadual 5 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai untuk item-item yang terdapat di dalam faktor rakan yang mempengaruhi pola kehadiran pelajar ke kuliah. Hasil kajian memberi maklumat bahawa item “rakan-rakan banyak memberi galakan untuk terus belajar” ($M=4.13$) dengan sisihan piawai 0.68. Disamping itu, item-item yang mempunyai min yang melebihi 3.50 adalah “rakan-rakan sangat mematuhi peraturan di Institut Pendidikan Guru (IPG)” ($M=3.73$) dan “saya dan rakan-rakan menumpukan perhatian ketika pensyarah mengajar” ($M=3.78$). Responden juga memberi respon yang tinggi untuk item-item negative yang menunjukkan bahawa mereka sangat tidak setuju dengan elemen-elemen yang membawa perkara yang tidak sihat. Contohnya bagi item x, mereka tidak bersetuju bahawa pernah mengikut rakan ponteng kuliah.

Jadual 6

Taburan Min dan Sisihan Piawai Responden Tentang Faktor Prasarana Mempengaruhi Pola Kehadiran Kuliah

No. Item	Pernyataan	% Kekerapan					Min (M)	Sisihan Piawai (SD)
		1 sts	2 ts	3 ks	4 s	5 ss		
i.	Kemudahan perpustakaan di Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah baik	1.7	15.0	31.7	46.7	5.0	3.38	0.87
ii.	Kemudahan di kelas adalah baik	5.0	18.3	40.0	33.3	3.3	3.12	0.92
iii.	Keadaan di bilik kaunseling di IPG adalah ceria	1.7	3.3	31.7	46.7	16.7	3.71	0.84
iv.	IPG mengamalkan budaya penyayang terutama antara pelajar dan pensyarah	1.7	1.7	28.3	60.0	8.3	3.72	0.72
v.	Persekitaran di IPG ceria dan menarik	3.3	10.0	23.3	55.0	8.3	3.55	0.91
vi.	Keselamatan di IPG adalah terkawal	5.0	13.3	28.3	48.3	5.0	3.35	0.95
vii.	Tandas di IPG adalah memuaskan	10.0	16.7	36.7	26.7	10	3.10	1.12
viii.	Bilik-bilik kuliah di IPG adalah dalam keadaan baik	5.0	18.3	38.3	31.6	6.7	3.17	0.97
ix.	Kelengkapan untuk bersukan dan beriadah adalah baik	10.0	6.7	28.3	46.7	8.3	3.37	1.07

Jadual 6 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai untuk item-item yang terdapat di dalam prasarana mempengaruhi kehadiran pelajar ke kuliah. Hasil kajian memberi maklumat bahawa responden memberikan persetujuan yang positif terhadap konstruk dibahagian ini.

Perbincangan Dan Rumusan

Responden yang terlibat di dalam kajian ini memberikan konsepsi bahawa faktor pensyarah merupakan elemen utama mempengaruhi kehadiran mereka ke kuliah. Responden merasakan bahawa pensyarah mengambil berat akan kehadiran pelajar ke kuliah. Pensyarah juga sentiasa menggalakkan pelajar ke kuliah. Selain itu, responden juga memberikan konsepsi yang tinggi bahawa para pensyarah akan mengambil tindakan sekiranya para pelajar tidak hadir ke kelas tanpa sebab. Hal ini selari dengan dapatan Martin, Swartz dan Madson (2009) bahawa keprihatian tenaga pengajar terhadap para pelajar mereka membuatkan pelajar-pelajar di institut pengajian tinggi tidak sewenang-wenangnya meninggalkan bilik darjah.

Bertepatan dengan pendekatan Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura (1977) yang memberi penekanan terhadap kepentingan penilaian kognitif dan emosi, responden mempunyai kesedaran untuk berjaya dalam bidang yang diceburi. Hal tersebut dizahirkan menerusi konsepsi mereka iaitu mempunyai motivasi yang tinggi untuk belajar. Responden juga memberikan konsepsi bahawa ingin cemerlang di dalam akademik antara faktor yang menggalakkan mereka untuk hadir ke kuliah. Disamping itu faktor ingin mengubah nasib keluarga dan motivasi yang tinggi untuk belajar juga antara faktor atau penyebab bagi responden hadir ke kuliah. Hal ini bersesuaian dengan dapatan kajian Foster dan Clark (2009) bahawa motivasi diri untuk terus cemerlang sememangnya wujud dalam diri individu yang tahu akan potensi diri mereka.

Faktor prasarana merupakan salah satu elemen penting yang akan mempengaruhi pengurusan sekolah dan disiplin pelajar di sesebuah sekolah. Kajian oleh Foster dan Clark (2009) menyatakan bahawa 49% daripada responden dalam kajian mereka menyatakan bahawa suasana sekolah mempengaruhi pelajar untuk tidak hadir ke kuliah. Disamping itu, persekitaran yang tidak ceria, peraturan yang ketat, ketidakmesraan tenaga pengajar dan pelajar, beban kerja yang banyak serta rasa bosan terhadap pengajaran menggalakkan ketidakhadiran pelajar ke bilik darjah. Dalam konteks kajian, responden memberikan konsepsi bahawa 70% item-item yang terkandung dalam konstruk prasarana mempunyai min kurang dari 3.50. Disamping itu 63.3% dari responden memberi konsepsi bahawa mereka sangat tidak setuju, tidak setuju dan kurang setuju kemudahan kelas adalah berada di dalam keadaan yang baik dan 61.6% responden memberi konsepsi yang bersifat tidak setuju juga bahawa bilik-bilik kuliah berada di dalam keadaan yang baik.

Pemilihan rakan dapat merangsang nilai-nilai hidup yang positif serta meningkatkan mutu disiplin yang baik. Hal ini juga mendorong ke arah mutu pencapaian akademik dan menghindari diri daripada masalah ketidakhadiran ke kuliah (Foster & Clark, 2009). Dalam konteks kajian, faktor rakan menunjukkan min skor yang terendah berbanding konstruk-konstruk yang lain seperti faktor pensyarah, diri dan prasarana untuk hadir ke kuliah. Walau bagaimanapun, responden juga memberikan konsepsi yang positif bahawa rakan-rakan banyak memberi galakan untuk terus belajar.

Kajian juga menunjukkan bahawa responden sedar akan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai seorang pelajar di Institusi pendidikan guru dengan mengenyahkan elemen bosan belajar. Mereka akur dengan peraturan yang ditetapkan oleh pihak institusi dengan memberi respon yang rendah terhadap elemen inginkan kebebasan hidup dengan tidak menghadiri kuliah.

Secara kesimpulan, kajian terhadap konsepsi kehadiran kuliah dalam kalangan para pelajar di Institut Pendidikan Guru memberi gambaran bahawa para pensyarah memainkan peranan yang amat penting untuk hadir ke kuliah. Disamping itu, faktor diri sendiri juga merupakan elemen yang dominan untuk terus berada di bilik darjah. Perkara ini harus diberi perhatian dalam usaha melahirkan individu yang berkualiti serta mempunyai jati diri yang

kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi agar memberi impak kepada generasi yang akan datang.

Rujukan

- Ahmad Khamis, Noran Fauziah Yaakub, Azemi Shaari & Mohd. Zailani Mohd. Yusoff (2002). *Adjustment to college life and academic performance among Universiti Utara Malaysia Students*. Laporan kajian yang tidak diterbitkan, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan. Universiti Utara Malaysia.
- Aos, S. (2002). *Keeping kids in school: The impact of the truancy provisions in Washington's 1995 "Becca Bill."* Olympia, WA: Washington State Institute for Public Policy. Retrieved Jan 8, 2014, from www.wsipp.wa.gov/rptfiles/BeccaTruancy.pdf
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Becker, J. (2003). *The social creation of a social problem*. Unpublished doctoral dissertation. Washington State University, SA.
- Beyers, W., & Gossens, L. (2003). Concurrent and predictive validity of the student adaptation to questionnaire in a sample of European freshman students. *Educational and Psychological Measurement*, 62 (3), 527-537.
- Brush, C., & Jones, B. (2002). *Student voices: Why school works for alternative high school students*. Salem, OR: Oregon Department of Education. Retrieved from www.ode.state.or.us/stusvc/whyschworks.pdf
- Epstein, J.L., & Sheldon, S.B. (2002). Present and accounted for: Improving student attendance through family and community involvement. *Journal of Educational Research*, 95(5), 308–318.
- Foster, E., & Clark, F.S. (2009). Parental influences on adolescent problem behaviour: Mediation and moderation models involving deviant peers. *Journal of Family Psychology*, 3, 39-60.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lee, V.E., & Burkam, D.T. (2003). Dropping out of high school: The role of school organization and structure. *American Educational Research Journal*, 40(2), 353–393.
- Maria Chong Abdullah, Habibah Elias, Rahil Hj. Mahyuddin & Jegak Uli. (2014, Januari). *Masalah penyesuaian: Punca pelajar gagal menyempurnakan pengajian di universiti*. Retrieved from http://science.prerequisites_php.
- Maxwell, J. A. (2005). *Qualitative research design. An interactive approach* (2nd ed.). USA: Sage Publications, Inc.
- Martin, W. E., Jr., Swartz, J. L., & Madson, M. (2009). Psychosocial factors that predict the college adjustment of first-year undergraduate students: Implications for college counsellors. *Journal of College Counseling*, 2(2), 121-133.
- Muhammed Sharif Mustaffa & Suria Abd Jamil. (2012). Mengenal pasti punca-punca masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah: Satu kajian kes. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 6, 50-73.